



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
TIMBALAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR**

SEMPENA

**KEMPEN KESELAMATAN ELEKTRIK MELP BERSAMA
PEKEBUN SAWIT, PESAWAH, NELAYAN DAN ORANG
AWAM**

DEWAN FELCRA NASARUDDIN, BOTA, PERAK

3 SEPTEMBER 2025 (RABU)

9.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Yang Berusaha En. Anuar Zaki bin Bakar

Setiausaha Bahagian Bekalan Elektrik

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air;

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad

Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer

Tenaga Nasional Berhad (TNB);

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Parveez bin Hj Ghulam Kadir

Ketua Pengarah

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/ Jabatan dan Agensi;

Para penceramah;

Saudara dan saudara yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan
Salam Malaysia Madani.

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan izin Allah SWT, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam suasana penuh semangat kekeluargaan, untuk sama-sama menyaksikan pelancaran Kempen Keselamatan Elektrik MELP bersama Pekebun Sawit, Pesawah, Nelayan dan Orang Awam di Bota, Perak. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian mencerminkan iltizam kita bersama untuk mengangkat keselamatan sebagai budaya hidup.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak MPOB dan TNB selaku rakan strategik, para pekebun, peladang, penduduk setempat, serta semua hadirin sekalian. Komitmen kita adalah nadi dan semangat yang menjayakan program ini. Apabila kita bersatu hati, sebarang cabaran boleh dihadapi bersama -- bak kata pepatah, "Bukit sama kita daki, lurah sama kita turuni." ini.

Keselamatan Sentiasa Diutamakan

Hadirin sekalian,

3. Kempen yang akan kita lancarkan hari ini bukan sekadar acara rutin, tetapi ia suatu amanah untuk menjaga keselamatan nyawa dan kesejahteraan keluarga kita. Justeru, marilah kita raikan majlis ini dengan tekad yang padu, yakin bahawa setiap langkah kita selepas ini akan menyumbang kepada keselamatan diri, keluarga, dan masyarakat seluruhnya.

4. Elektrik adalah sahabat setia kita dalam kehidupan seharian. Walaupun ia memudahkan kehidupan, ia juga boleh mendatangkan musibah jika disalahgunakan, atau diabaikan aspek keselamatannya.
5. Saya difahamkan oleh TNB bahawa dari tahun 2021 hingga April 2025 terdapat sebanyak 104 kes kemalangan elektrik di Semenanjung Malaysia dan Sabah yang melibatkan kematian orang awam serta ternakan. Ini bukan angka kecil, tetapi tragedi yang menyayat hati dan boleh menimpa sesiapa sahaja jika kita leka.
6. Kempen ini juga merupakan susulan daripada Mesyuarat Mitigasi Kemalangan Elektrik di pemasangan utiliti (TNB dan SESB) yang telah diadakan pada Mei 2025 dan dipengerusikan oleh Suruhanjaya Tenaga. Mesyuarat tersebut telah menekankan kepentingan tindakan bersama untuk mengurangkan kemalangan yang melibatkan infrastruktur elektrik di lapangan.
7. Berdasarkan data yang dikumpulkan, lebih 40% daripada kes kemalangan elektrik bagi tempoh 2022 hingga 2024 melibatkan infrastruktur utiliti, khususnya di kawasan talian atas. Kebanyakan insiden berpunca daripada aktiviti orang awam berhampiran talian elektrik, seperti mengait kelapa dan kelapa sawit menggunakan galah panjang.
8. Oleh itu, kempen ini dilaksanakan sebagai langkah pencegahan yang amat penting. Jika satu kemalangan dapat dielakkan melalui

kesedaran atau pemasangan selamat, itu bermakna satu keluarga terselamat daripada kehilangan harta dan nyawa.

Fokus Kepada Golongan Sasar

9. Para pekebun dan peladang adalah tulang belakang ekonomi dan jaminan makanan negara. Tanpa hasil sawit, padi, atau sayur yang dibekalkan oleh tuan-tuan dan puan-puan, rakyat Malaysia tidak dapat hidup dengan selesa. Namun, dalam kita ghairah mengejar rezeki, aspek keselamatan sering dipandang ringan.
10. Seringkali berlaku pekebun menggunakan pam air atau mesin pemotong elektrik tanpa perlindungan fuis yang betul. Ada juga peladang yang memasang sistem elektrik sendiri untuk kandang misalnya, tanpa kepakaran yang sepatutnya. Semua ini mungkin nampak remeh, tetapi kesilapan kecil boleh mengundang padah yang besar. Justeru melalui kempen ini, kita mahu memastikan setiap individu dalam sektor ini celik tentang keselamatan elektrik. Ingatlah pepatah “Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna”.

Menyantuni Rakyat Melalui Keselamatan

Hadirin sekalian,

11. Program hari ini hanyalah permulaan. Selepas Perak, kempen ini akan diteruskan ke lapan negeri lain bagi memastikan mesej

keselamatan sampai kepada lebih ramai rakyat. Inilah tanda kesungguhan kerajaan untuk bukan sekadar merancang di pejabat, tetapi turun padang bersama rakyat.

12. Kempen ini juga menjadi platform untuk memberi maklumat secara interaktif melalui pameran, taklimat, soal jawab, dan galeri keselamatan. Pendekatan menyantuni rakyat ini diharap mampu mengubah budaya – daripada sambil lewa kepada lebih peka terhadap bahaya elektrik.

Kerjasama MPOB dan TNB

13. Tiada kejayaan yang datang secara bersendirian. Hari ini kita menyaksikan kerjasama erat antara MPOB dan TNB. MPOB memastikan kelestarian industri sawit yang memberi manfaat kepada jutaan pekebun, manakala TNB pula memastikan tenaga elektrik sampai dengan selamat ke rumah, ke kampung dan ke ladang.
14. Kedua-dua pihak ini bersama-sama kerajaan adalah tonggak utama kempen ini. MPOB membantu menyantuni pekebun sawit agar lebih celik keselamatan, sementara TNB pula berkongsi kepakaran teknikal serta menyediakan kempen kesedaran kepada orang awam. Gabungan ini umpama “aur dengan tebing”, saling melengkapi untuk kebaikan rakyat. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang menjayakan kempen ini.

Pendidikan Keselamatan, Dari Sekolah Hingga Ke Ladang

Hadirin yang dikasihi,

15. Pendidikan adalah kunci perubahan budaya. Kempen ini memberi tumpuan bukan hanya kepada golongan dewasa, tetapi juga kepada anak-anak kita. Bila anak-anak di sekolah sudah didedahkan dengan ilmu keselamatan elektrik, mereka akan membesar dengan lebih berwaspada. Generasi celik keselamatan ini perlu dibina sejak awal, ibarat buluh yang dilentur dari rebungunya.
16. Usaha ini turut seiring dengan Program Literasi Tenaga Malaysia (MELP) yang diperkenalkan oleh TNB untuk mendidik rakyat tentang tenaga elektrik dengan lebih menyeluruh. MELP bukan sahaja menekankan aspek keselamatan, tetapi juga memberi kefahaman tentang cara menggunakan tenaga secara cekap, mengurangkan pembaziran, serta menyokong peralihan negara ke arah tenaga boleh diperbaharui dan masa depan rendah karbon.
17. Melalui MELP, masyarakat diperkenalkan dengan amalan praktikal seperti mengenali penggunaan elektrik harian, memahami bil elektrik, serta mengambil langkah mudah untuk menjimatkan tenaga di rumah, di sekolah, malah di ladang. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada TNB atas inisiatif yang amat berfaedah ini.

Manfaat Jangka Panjang Kepada Negara

18. Keselamatan menyelamatkan nyawa, menjimatkan kos, memastikan hasil pertanian terpelihara, dan menyokong ekonomi negara. Bila rakyat selamat, hasil sawit tidak terganggu, ladang terpelihara, maka kestabilan ekonomi negara juga terjamin. Kos membaiki kerosakan boleh dijimatkan serta disalurkan semula untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat.
19. Inilah roh sebenar Malaysia MADANI – rakyat disantuni, negara maju dan sejahtera. Keselamatan elektrik adalah sebahagian daripada usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan sahaja maju teknologinya, tetapi juga selamat untuk didiami oleh seluruh warganya.

Harapan dan Pesanan

20. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin berpesan agar kempen ini tidak terhenti pada hari ini sahaja. Sama-sama kita amalkan apa yang kita pelajari hari ini dalam kehidupan seharian. Ingatlah, elektrik adalah sahabat kita jika digunakan dengan betul, sebaliknya menjadi musuh paling berbahaya jika kita lalai walau seketika.
21. Jika setiap daripada kita mempraktikkan semua langkah keselamatan, lama-kelamaan seluruh komuniti akan menikmati manfaatnya. Harapan saya, semua yang hadir pada hari ini akan menjadi duta keselamatan elektrik di tempat masing-masing. Kongsikan ilmu ini dengan keluarga, jiran dan rakan sekerja.

Penutup

22. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini. Terima kasih kepada FELCRA, MPOB, TNB, rakan-rakan media, serta semua hadirin yang setia mendengar. Kehadiran anda hari ini adalah bukti bahawa kita semua sayangkan keselamatan diri dan keluarga kita.
23. Dengan semangat kebersamaan, marilah sama-sama menjadikan keselamatan elektrik sebagai amalan, bukan pilihan. Mudah-mudahan usaha ini diberkati Allah SWT dan menjadi titik tolak kepada kehidupan lebih selamat untuk generasi kini dan akan datang.
24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen Keselamatan Elektrik MELP bersama Pekebun Sawit, Pesawah, Nelayan dan Orang Awam.

Sekian, *wabilahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.